

Faks : 237605
Tel : 252692
Bil : KEW(S)500-4/2
Tarikh : 30 Disember 2008



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah

Ybhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BILANGAN 11 TAHUN 2008
KAEDAH BARU PEMESANAN BORANG-BORANG KOMPUTER MELALUI JABATAN
CETAK KERAJAAN**

1. PENDAHULUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah baru pemesanan borang-borang komputer melalui Jabatan Cetak Kerajaan dan makluman kepada semua Kementerian/Jabatan untuk menyediakan sendiri Waran Peruntukan di bawah Vot Perbekalan masing-masing untuk pemesanan dan perolehan borang-borang komputer.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Sebelum ini, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri telah diberikan tanggungjawab untuk mengurus perolehan dan percetakan borang-borang komputer untuk semua Kementerian/Jabatan melalui peruntukan Vot Perbekalan Berpusat Kerajaan Negeri.

2.2 Perolehan dan percetakan borang-borang komputer yang dikawal selia oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri melalui penggunaan peruntukan berpusat tersebut adalah:

- i. Baucer Bayaran Am JBN 38 (Pin. 1/2008)
- ii. Baucer Bayaran Gaji JBN 14 (Pin. 1/2008)
- iii. Penyata Bayaran Gaji JBN 15 (Pin. 1/97)
- iv. Borang Resit Am SISWANG JBN 41
- v. Butiran Bil, Jabatan Perhutanan
- vi. Borang Cukai Pendapatan C.P. 8C
- vii. Borang komputer kosong bersaiz 11" x 15"
- viii. Borang komputer kosong bersaiz 11" x 9"

3. PELAKSANAAN

Semua pelaksanaan proses perolehan dan percetakan serta kawalan peruntukan perolehan semua borang komputer yang dinyatakan di atas telah diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Cetak Kerajaan mulai 1 Januari 2008.

4. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 4.1 Semua Kementerian/Jabatan hendaklah membuat pesanan borang-borang komputer terus kepada Jabatan Cetak Kerajaan dengan menggunakan aplikasi kerajaan elektronik Sistem Jabatan Cetak Kerajaan di laman web <http://www.jpkn.sabah.gov.my/jabatancetakkerajaan/>.
- 4.2 Semua Kementerian/Jabatan adalah dikehendaki menyediakan sendiri Waran Peruntukan di bawah Fot Perbekalan Kementerian/Jabatan masing-masing dan memberi kebenaran kepada Jabatan Cetak Kerajaan mendebit terus perbelanjaan perolehan borang-borang komputer daripada Fot Perbekalan Kementerian/ Jabatan tersebut bermula pada 2hb. Januari 2009.

5. TARIKH KUATKUASA

Pelaksanaan kaedah baru pemesanan borang-borang komputer melalui Jabatan Cetak Kerajaan adalah berkuatkuasa pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

6. PENUTUP

Sekiranya terdapat pertanyaan mengenai pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung dengan Ketua Bahagian Perancangan Sistem IT, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri melalui nombor telefon 088-272211 atau e-mail : Kamaltan.Karimin@sabah.gov.my.

Sekian, dan harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"
"JIMAT DAN PRODUKTIF"


YUSOFF BIN DATUK HAJI MOHD. KASSIM, PGDK
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan